

# MESYUARAT PANGLIMA TENTERA UDARA BERSAMA KEM KOMANDAN PLKN

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2761-mesyuarat-panglima-tentera-udara-bersama-kem-komandan-plkn](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2761-mesyuarat-panglima-tentera-udara-bersama-kem-komandan-plkn)



KUALA LUMPUR, 11 Dis 17 – Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM telah mengadakan mesyuarat bersama Kem Komandan PLKN bertempat di Bilik Mesyuarat Rajawali, Wisma Pertahanan hari ini. Mesyuarat ini melibatkan seramai 28 pegawai TUDM dari Jabatan Latihan Khidmat Negara, Kem-kem komandan PLKN seluruh Malaysia serta pegawai-pegawai dari MTU-BSM. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah sebagai medium untuk menyalurkan maklumat dan isu-isu berkaitan pengurusan anggota pelatih di Kem-kem PLKN di bawah pentadbiran TUDM.

